

pendidikan awalnya sama ada dalam tadika atau dari darjah satu hingga darjah empat dalam bahasa IBUNDANYA.

ii Mereka kemudiannya dididik sehingga dapat benar-benar dianggap telah memiliki penguasaan bahasa Melayu PUNCAK. Sambil itu mereka sendiri pulalah berusaha mendalami lagi selok belok bahasa Melayu untuk membolehkannya menghasilkan karya sastra kreatif atau imaginatif dengan penggunaan gaya bahasa dan pengucapan yang segar, bernas dan asli.

iii Pembelajaran kesusasteraan Melayu hendaklah didedahkan kepada mereka berdasarkan tahap-tahap berikut :-

- a. sejarah kesusasteraan Melayu (lama dan baru)
- b. teori dan kritik (kesusasteraan Melayu)
- c. perkembangan kesusasteraan Melayu negara-negara serumpun seperti Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam, Selatan Thai.

d. perkembangan kesusasteraan Melayu Singapura dalam era berikut :

- sebelum perang dunia kedua
- zaman pendudukan jepun
- Selepas Perang (1946 – 1948)
- tertubuhnya Angkatan Sasterawan 50 di Singapura.
- sastra Melayu selepas perpisahan dari Malaysia.
- sastra Melayu 1970 hingga ke hari ini.

e. memperkenalkan tokoh-tokoh

pengarang, penulis serumpun, khususnya Singapura, termasuk karya-karya terpenting mereka.

f. menyediakan perpustakaan Nusantara (serumpun) lengkap dengan buku-buku yang terisi di dalamnya yang menyentuh perihal :

- Hasil-hasil karya sastra pengarang-pengarang serumpun.
- Hasil buku-buku bahasa (non-fiksi) yang bersifat ilmunan. Juga buku-buku pengetahuan mengenai kesusasteraan, cabang ilmu lain seperti ilmu sains, politik, kemasyarakatan, psikologi dan sebagainya.

g. mengadakan atau menyiapkan klip video kaset mengenai pengarang-pengarang serta buku-buku sastra ciptaan mereka.

h. mengadakan pameran buku-buku karya sasterawan serumpun dengan menyedari halangan - halangan yang memang ada iaitu :-

- kesekitaran yang tidak kondusif, terhadap bahasa dan kesusasteraan Melayu, untuk diyakini menjadi penting dalam kehidupan masyarakat Melayu Singapura khususnya apatah lagi menjadi sarwajagat umumnya
- gangguan perhatian (distraction) yang memungkinkan seseorang mendapat maklumat dengan serta-merta; menjadi cukup

berpengetahuan atau *a well-informed* person tetapi tidak bererti semestinya kreatif (sebab tidak perlu atau tidak ada tempoh untuk kontemplasi, merenung dan merefeksi kehidupan harian yang umumnya membosankan, superfisial dan palsu sedangkan menjadi seorang elitis (di sini penulis kreatif seperti penyajak, cerpenis, novelis dan penulis skrip memerlukan banyak renungan; banyak kontemplasi, banyak pengembaraan batin.

Sisipan Pengalaman Pribadi

“Sejak bermula iaitu waktu remaja dahulu, hingga tergerak untuk menjadi penulis kreatif (terutama sajak) secara sambilan. MINAT KEPADA PERKATAAN (sebetulnya cinta perkataan). Lalu melarat cintakan BAHASA. (tetapi semuanya secara mendidik diri sendiri.”

Banyak membaca karya bahasa dan sastra yang ditulis dalam bahasa Melayu Singapura, Semenanjung Tanah Melayu terutama sekali karya-karya dari Indonesia seperti daripada ‘ANGKATAN PUJANGGA BARU’ yang ditubuhkan pada tahun 1933 di Jakarta kerana pada waktu itu saya menganggap ia merupakan bahasa dan sastra Melayu yang lebih maju jika dibandingkan dengan hasil karya sastra Melayu di Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu terutama tentang keindahan pengucapan bahasa dan seni katanya. Ini berlaku antara tahun-tahun 1940 hingga membawa kepada zaman Pendudukan Jepun selama 3 tahun 8

bulan di Alam Melayu...

Untuk menambahkan pengalaman, penghayatan lahiriah atau jasmaniah mulai zaman Jepunlah saya melihat, memerhati penderitaan manusia tidak mengira bangsa, agama dan darjat akibat bencana perang. Saya entah bagaimana mendekati dan sendiri menjadi seolah-olah orang yang menderita jiwa melihat peristiwa-peristiwa yang menyayat hati dan mengoyak-ngoyak perasaan halus dan seni saya. Saya ‘MASUKI’ dunia mereka iaitu dunia orang-orang muda Indonesia bawaan Jepun yang dijadikan buruh (romusha) paksa berjumlah beribu-ribu orang di Syonan-To (nama Singapura pada zaman pendudukan Jepun). Juga gadis-gadis Indonesia yang ditipu Jepun dengan janji dikatakan akan menjadi jururawat tetapi menjadi alat pemuas nafsu serakah askar-askar Jepun yang ditempatkan di Singapura.

Saya temui mereka, mewawancarai mereka yang ditempatkan dalam sebuah bangunan di Marine Parade (sehingga hari ini bangunan itu belum dirobohkan). Saya bercakap, bertanya khabar sehingga menjadi sebahagian darah daging saya – sebagai seorang manusia yang tidak ada bezanya dengan mereka yakni manusia makhluk Allah Subhanahu Wa ta’ala. Waktu itu saya berumur kira-kira antara 15 setengah hingga 17 tahun. Saya entah bagaimana sekali lagi mendapat *psychological shock* atau badi sehingga berhari-hari tidak dapat menenteramkan diri. Saya tiba-tiba menjadi dewasa. Bahkan sejak itu tidak dapat lagi berfikir sebagai seorang remaja tetapi menjadi serius dengan soal-soal kehidupan, kemasyarakatan dan kemanusiaan. (meskipun hingga detik ini, saya pada

'appearance' selalu *happy* dan tidak apa-apa).

Dari situlah mulanya saya mendapat ilham menulis sajak, tentang kemelaratan hidup, tentang perlunya berjiwa patriotik, tentang perlunya kita berdikari, tentang perlunya kita 'boleh miskin' tetapi jangan merasa berjiwa miskin, tentang perlunya kita harus merdeka dari penjajahan, baik dalam bentuk apa sekalipun ...

Apabila Jepun menyerah kalah dalam bulan Ogos 1945, Singapura kembali di bawah jajahan Inggeris (*British Colony*), saya berumur kira-kira 18 tahun lebih ... Saya merasa tidak tertahan lagi melihat penjajahan berulang semula ! Tapi apalah daya saya, apalah yang saya ada Saya bukan seorang profesional, jauh sekali seorang intelek, seorang pemimpin ... hanya seorang guru pelatih (*untrained teacher*) sekolah Melayu saja! Tetapi entah bagaimana, ada satu semangat yang sentiasa membakar dalam jiwa raga saya (ini sejak zaman pendudukan Jepun) yang kurus kecil ini. Itulah saya ingin turut memberi sumbangan (biar sekecil, sekelumit manapun) kalau mungkin – untuk agama bangsa dan nusa yang tercinta ... Tapi – Apalah yang saya ada ?

Saya hampir-hampir putus asa. Mujur dengan kehendak Allah jua. Ya mujur. Mujur apa? Kerana rupa-rupanya bukan saya seorang sahaja pemuda angkatan baru waktu itu yang berperasaan dan berfikiran sedemikian. Itulah ada MAS (Muhd. Arif Ahmad, sekarang Pendita), ada Abu Yamin (teman karib saya hingga hari ini). Ada ROSMERA (A.Munir Ali). Ada HAMZAH (Abdul Majid Husin).

Bergaul dengan mereka inilah, saya mendapat banyak sekali dorongan dan semangat uncut menulis terus sehingga terlahirlah kemudian kata-kata ungkapan lama 'Selagi hayat dikandung badan'. Waktu itu MAS, terutama sekali rajin dan prolifik menulis cerpen, sajak, esei dan drama. ROSMERA menulis sajak dan kemudiannya menumpukan perhatian kepada bidang penulisan novel (Tahun 1949, terbit novel sulungnya "Melati, Korban Cinta Suci" terbitan HARMY Singapura. MAS banyak menulis di majalah Hiburan dan Utusan Zaman. HAMZAH banyak menulis cerpen dalam majalah Hiburan dan kemudiannya menulis novel "Tarikh Berlari Liar" dan kemudiannya "Rumah itu Dunia Aku".....

Entah bagaimana saya dapat meneruskan minat saya menulis sajak yang telah saya mulai sejak pada zaman pendudukan Jepun di Singapura yang diterbitkan di surat khabar "BERITA HARIAN" dengan dua buah sajak sekail berjudul 'Bunga Sakura' dan 'Ros Kupuja' pada 5 September 1944 ... Sejak itu dengan izin Allah Subhanahu Wa ta'ala, saya teruslah menulis sajak berterusan hingga sekarang ...

Satu hal yang saya ingin sentuh di sini, ialah antara tahun-tahun 1945 hingga tahun 1952, ketika jiwa ANGKATAN '50 sedang hebat meruap, ada pandangan umum secara sinis mengatakan bahawa penulis-penulis muda waktu itu hanya pandai menulis sahaja (sekadar permukaan). Tidak pernah mengalami atau menghayati keadaan sebenarnya ...

Saya fikir – ini keliru. (waktu itu iaitu sekitar 1946 – 1952) kami, penulis-penulis angkatan baru (penulis sajak, cerpen, esei dan drama terutamanya) memang banyak menceritakan tentang kebobrokan masyarakat dan kejahatan akhlak manusia, akibat penjajahan yang menjadikan rakyat kebanyakan hidup dalam kemiskinan dan berkurangan dalam serba-serbinya. Kami juga menulis dan mendedahkan tentang kehidupan wanita-wanita bahkan anak gadis kita, yang bekerja menjadi pelayan di rumah makan (restoran), menjadi penari joget moden (joget samba) di taman-taman hiburan; menjadi pelacur memperdagangkan diri untuk membiayai kehidupannya sehari-hari (akibat perang dan penjajahan), dan segala macam kemesuman hidup...

Ini bukan isapan jempul. Ini semua kami dapat bukan semata-mata bayangan, khayalan atau imaginasi. Saya sendiri bersama-sama beberapa teman pernah bergaul

dengan pelayan, penari joget moden, bahkan pelacur untuk mendapat bahan mentah (meskipun saya bukan *reporter*), tulisan kami tapi. ya. tapi..... Kami bergaul merapati secara penulis atau seniman kreatif. Kami tidak tenggelam bersama-sama dunia mereka Betul kami menyelami dunia mereka (dunia manusia juga), tapi kami dapat 'membuat jarak'. Jika tidak – kami tidak dapatlah menghasilkan karya sastera imaginatif (*imaginative literature*) dan menjelmakannya bertolak dari dunia realiti kepada dunia kesusasteraan.

Masuri Salikun merupakan seorang sasterawan prolifik. Beliau berkarya sejak tahun 50'an hingga ke hari ini. Kini beliau merupakan Ketua 1 Asas 50. Beliau juga pelopor sajak baru di Malaya.

(Ditulis pada 15 Februari 2000 - peringatan Jepun menyerah kalah dengan rasminya pada 15 Februari 1942, 58 tahun yang lalu ketika saya berumur 15 tahun.)

SASTERA SEBAGAI ALAT MEMANTAU KEPENTINGAN SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MASA KINI

oleh Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz*

DUNIA kritikan sastera berkembang dengan pesat. Namun baru-baru ini terdapat semacam keterbalikan dalam teori iaitu dengan terhasilnya teori **Historisisme Baru** yang dahulunya dikenali sebagai teori historikal. Kini ia mendapat suntikan imej baru setelah menganuti fahaman multi-disiplin. Teori Historisisme Baru ini menekankan konsep "literature in history" iaitu ideologi sesuatu bahan sastera dalam zaman-zaman tertentu. Maka ia mementingkan konteks sejarah dalam menilai bahan sastera tersebut. Kesimpulannya, teori ini melihat bagaimana sastera membentuk dan merealisasikan sejarah.

Teori ini berlandaskan tiga definisi makna yang mementingkan ketulenan sejarah. Maka ciri yang harus ada adalah sejarah yang berlaku secara semulajadi; sejarah tidak diagungkan oleh pengkaji dan pengkaji tidak memberikan pandangannya sendiri mengenai sesuatu sejarah. Teori ini menuntut kita menilai "*past significant present meaning*" iaitu menyusur erti silam dan menyisir makna kini sesebuah hasil karya.

Dua kuntum sajak karya Aliman Hassan boleh disisir maknanya berdasarkan teori Historisisme Baru ini. Sajak-sajak tersebut adalah "Kian Terasa Bahangnya" terbitan Berita Minggu 1974 dan "Seloka Warisan Ibunda" terbitan Berita Minggu 2001 iaitu 27

tahun setelah terbitnya sajak pertama tadi. Kedua-dua sajak ini saling melengkapi dan merupakan rentetan peristiwa bersejarah dalam dunia pembelajaran dan pengajaran bahasa Ibunda di Singapura.

Bait pertama sajak "Kian Terasa Bahangnya" menonjolkan harapan empat bahasa rasmi di Singapura iaitu Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris yang diwakili oleh **tugu empat**. Ia menggabungkan kewujudan serentak penduduk tempatan dan kolonial seperti dalam bait 1 berikut :

*Segaris sinar di tugu empat
Halus melulus celahan batu rapat
Menerang lambang
Warisan moyang
Yang pernah tiba
Di muara kembara
Yang pernah meneroka
Suasana mesra*

PAP (Parti Tindakan Rakyat) mula berkuasa pada tahun 1959. Semenjak itu, penekanan diberikan terhadap pendidikan untuk mencapai kemajuan negara. Maka satu pelan 5 tahun dalam pendidikan telah diperkenalkan yang menekankan layanan yang sama bagi keempat-empat saluran dalam pendidikan iaitu Melayu, Cina, India dan Inggeris. Ia juga menobatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta penekanan

terhadap pembelajaran matapelajaran matematik, sains dan teknikal. Ibu bapa berhak memilih sekolah mengikut media bahasa yang diinginkan. Harapan bagi bahasa ibunda berkembang dan berwawasan seperti dalam bait 2 ;

*Segaris sinar di tugu empat
Pengungkai tikai
Penetap harap
Anak-anak kerdil yang berteduh;
Dibelai angin dingin
Dalam bayang-bayang batu kukuh.*

Namun keadaan berubah apabila Singapura berpisah daripada Malaysia pada tahun 1965. Pada tahun 1966, dwibahasa dijadikan wajib bagi semua pelajar untuk memastikan kesatuan rakyat. Maka pelajar darjah satu dalam sekolah bukan saluran Inggeris dikehendaki mempelajari sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Pengajaran sejarah dalam bahasa Ibunda telah dimansuhkan pada tahun 1971. Pengaruh bahasa Ibunda semakin mengecut dengan jelas dalam bait 3 dan 4;

*Anak-anak kerdil yang sering berteduh
Lesu menatap ukiran ikrar
Lena mendakap khayalan nanar
Sangsi mengharap garisan sinar
Muram menyingkap lipatan gusar*

*Garisan sinar kian melebar,
Kian terasa bahangnya membakar.*

Pada tahun 1970, pendidikan bahasa Ibunda sebagai bahasa kedua diperhebatkan. Sekolah-sekolah Inggeris mula mengambil tempat sekolah-sekolah Melayu, Cina dan Tamil. Akhbar dan majalah Inggeris

berkembang luas sementara akhbar dan majalah Melayu tidak berkembang. Universiti Nanyang memperkenalkan penggunaan bahasa Inggeris. Pada tahun 1971, pemerintah telah membelanjakan 1/3 daripada belanjawan negara untuk pendidikan demi menyiapkan pekerja menghadapi perkembangan teknologi. Pada tahun 1972, pendidikan teknikal diutamakan dan peratusan bagi bahasa Ibunda dan Inggeris dari segi waktu pembelajaran adalah sama. Kesannya dapat dilihat daripada peningkatan terhadap jumlah murid yang menganuti saluran Inggeris berbanding dengan bahasa Ibunda iaitu 47 % pada tahun 1959 kepada 77.9 % pada tahun 1974. Kini bahasa ibunda benar-benar ketandusan penyokong;

*Anak-anak kerdil yang kebahangan
Termangu melihat kehapusian
Bayang-bayang tugu yang dua
Medan mereka berseloka.*

Setelah 27 tahun berlalu, akhirnya bahasa Melayu mula bernafas semula dengan adanya sinaran harapan apabila pemerintah mengumumkan rombakan terhadap sistem pendidikan bahasa ibunda. Harapan ini dapat dilihat dalam sajak "Seloka Warisan Ibunda" terbitan Berita Minggu 2001 dalam bait 1 dan 2 ;

*Hampir empat dekad berlalu
Anak-anak kerdil yang lesu
Menatap ukiran ikrar yang terbelenggu,
Kini berupaya menghela nafas lega
Melihat cahaya
Di salah sebuah tugu nan dua
Medan mereka berseloka.*

*Bahang yang mencetus lipatan gusar
Yang panasnya terasa membakar*

*Kini reda dan dingin
Dihembus bayu segar,
Hasrat mengharap garisan sinar
Terpancar lebar
Menerangi anak-anak kerdil yang
nanar.*

Usaha merealisasikan semakan ini mengambil masa yang agak lama dengan beberapa pertemuan dan perbincangan diadakan antara masyarakat Melayu dengan anggota parlimen Melayu. Begitu juga dengan badan-badan Melayu setempat. Bait 3 menjelaskan;

*Empat dekad berlalu
Anak-anak kerdil yang dulu tunduk
termangu
Kini tegak mendongak
Bergerak dan bertindak serentak
Tidak rela tersembam di kaki tugu
Selokanya tidak didengari
Bicaranya tidak memberi inspirasi !*

Akhirnya persetujuan dicapai. Program bahasa Melayu hingga ijazah kepujian dalam bahasa dan kesusasteraan Melayu di Institut Pendidikan Nasional (NIE) akan bermula pada 2001. Perkara ini diumumkan dalam satu sidang media di Kementerian Pendidikan pada 30 Januari 2000, oleh Menteri Pendidikan, Laksamana Pertama (kerahan) Teo Chee Hean. Anjakan ini berlaku berikutan ucapan Perdana Menteri, Encik Goh Chok Tong di rapat Hari kebangsaan 1997. Beliau mengatakan bahawa pemerintah perlu mewujudkan elit cendekiawan Cina sekaligus mengatasi masalah kelemahan bahasa Cina dikalangan penuntut yang bijak. Kesannya memanfaatkan bahasa Melayu. "**Kelopak enam**" iaitu Majlis Pusat juga tidak

ketinggalan menggerakkan jentera membela usaha murni ini yang digambarkan dalam bait 4;

*Masa demi masa.
Daya usaha yang tidak kenal jera
Anak-anak zaman wira ibunda
Berupaya melahirkan bicara
Lewat 'kelopak enam' lambang
pembela
Pejuang gigih yang berwibawa*

Implimentasi sistem pendidikan ibunda yang baru ini semakin progresif. Program pilihan (elektif) bahasa Melayu bagi sekolah menengah di sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang dan program pilihan (elektif) bahasa Melayu bagi peringkat "A" di maktab rendah Tampines serta program pilihan bahasa Melayu Mudah (MLB) bagi menengah atas untuk pelajar yang lemah dalam bahasa Melayu dimulakan. Ketangkasan usaha ini dijelaskan dalam bait 5;

*Perjalanan semakin pantas
Menuju cita-cita mendaulatkan suara
bicara
Warisan ibunda yang kesar lama.*

Hasrat Aliman Hassan melihat bahasa ibunda di kemuncak akhirnya menjadi realiti setelah menunggu selama 27 tahun. Segala kekecewaan yang pernah dirasai beliau kesan perubahan polisi pendidikan demi penakatan negara akhirnya berubah menjadi sinaran cahaya kesuburan yang membuka kembali kelopak bahasa ibunda yang suatu masa kuncup dan layu. Harapan beliau agar terhasil kelak golongan elite Melayu yang sebenar iaitu pencinta bahasa dan bangsa. Elita

Melayu hasil ukiran tangan pendidik watan yang berkaliber. Bait terakhir ini menggambarkan;

*Setelah empat dekad terpacu
Lewat lorong berliku;
Setelah memberi dan menerima
Penuh prihatin dan timbang tara;
Penuh dedikasi dan jatidiri
Terpancarlah kini harapan di tugu lama
Tempat kita berseloka dan berbicara :
Maka terangsanglah minat
Terdoronglah tekad
Mantaplah hendaknya suara bicara
berdaulat
Tegak terjulang di tugu empat
Didukung wira-wira berhemat
Semoga gemilang suara bicara,
Berabad-abad !*

Sajak-sajak hasil Aliman Hassan bergerak sejajar dengan perkembangan sejarah pengajaran dan pembelajaran bahasa

ibunda di Singapura. Penyajak berjaya merealisasikan tanggapan dan harapan beliau dengan berkesan. Bahan kesusasteraan pada zaman-zaman tertentu disesuaikan dengan keperluan zaman itu. Sajak pertama Aliman Hassan memberikan kepentingan kepada sajak kedua beliau yang diterbitkan 27 tahun kemudiannya dan sekaligus menjadi bahan dokumentasi sejarah dalam media estetik.

Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz ialah pemangku Penyelaras Program Latihan Khas, Institut Pendidikan Nasional Kampus Townsville, Universiti Teknologi Nanyang. Beliau merupakan seorang penulis yang banyak menyumbang kepada pemikiran kritikal dalam isu-isu bahasa dan bangsa.

ISLAM DAN PUISI: SATU PENCARIAN JATI DIRI (PENGENALAN RINGKAS)

oleh Djamal Tukimin*

SASTERA keagamaan, puisi keagamaan, sastra Islam dan puisi Islam merupakan *genre-genre* dalam kesusasteraan Melayu sejak orang Melayu rantau ini beragama dan kemudian menganut agama Islam¹. Kesusasteraan melambangkan *matra* atau pengucapan tingkat dan kehidupan keintelektualan dan cita-cita, sikap dan jiwa sesebuah bangsa.

Kehidupan yang berdasarkan kebendaan² semata tidak dapat mencipta dan merangsangkan kehidupan budaya, betapa pula kesusasteraan. Ini kerana kesusasteraan secara umum adalah manifestasi kejiwaan dan keluhuran akhlak³. Dengan kata lain, ia mencerminkan keperibadian seseorang individu, masyarakat atau bangsa.

Dewasa ini terpapar kebangkitan masyarakat Islam di mana jua. Mereka kian gigih menghayati Islam, selepas tanah air mereka di Asia, Afrika dan Eropah, merdeka daripada penjajahan Barat. Mereka kian menyadari betapa perlu dan penting mengadakan penyegaran kembali (*renewal*) berbagai cabang tradisi keilmuan serta penggiatan kehidupan budaya mereka, terutama dalam bidang kesusasteraan.⁴

Dalam membincangkan puisi dan kesusasteraan, hubungan kedua-duanya memang jelas⁵. Tetapi dalam membicarakan kaitan sastra, puisi dan agama Islam, walau dalam konteks apa pun, membuat analisis secara objektif memang agak mustahil. Ini kerana ada aspek yang sukar disukai iaitu

¹ Dalam zaman pasca-kemerdekaan ada kecenderungan untuk meletakkan sastra sufi itu sinonim dengan sastra Islam. Hal ini masih dipertikai dan memerlukan kajian mendalam sebelum kita sampai kepada satu kesimpulan untuk mendudukan *sufisme* sebagai hanya satu-satunya unsur yang menentukan sastra Islam.

Terdapat pula kalangan sarjana menggunakan istilah "*sastera dengan pengaruh Islam*" dan sebagainya. Pembahasan seperti ini memerlukan satu forum lain. Tujuan tulisan tidak bermaksud ke arah erti dan definisi seperti itu. Namun demikian anda boleh melanjutkan kajian ini melalui buku *Islam, Cakrawala Estetik dan Budaya* oleh Dr. Abdul Hadi WM, Pustaka Firdaus, Jakarta, 2000. Lihat juga *Kesusasteraan San Etika Islam* oleh SN Shahnun Ahmad, Fajar Bakti, KL, 1981 dan *Kesusasteraan Melayu Lama Dari Warisan Peradaban Islam* oleh Ismail Hamid, Fajar Bakti, KL, 1983.

² Dalam menanggapi dunia moden, Salman Rushdie menyelar Islam menerusi novel kontroversi, *The Satanic Verses*. Katanya: "*Dunia dibagi dalam dua blok — kecerahan sekularisme dan kegelapan agama*". Lihat juga karyanya *Harun and the Sea of Stories*, Penguin, London. Hal ini bertentangan dengan kenyataan yang melihat Islam sebagai "*the fastest growing religion in the West*" (Robert Morey) walaupun dalam satu nafas turut menyelar Islam dengan sekeras-kerasnya, tetapi tidak menafikan perkembangan Islam yang mulai menarik berbondong-bondong masyarakat Barat. Morey menganggap masyarakat Barat tidak semata-mata memandang kebendaan saja.

³ Shahnun Ahmad, op.cit., hal 5-11.

⁴ Lihat Shahnun Ahmad-Kassim Ahmad dalam *Polemik Sastera Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, KL, 1987.

⁵ Perhatikan pelbagai definisi tentang faham kebangsaan dan Islam yang dirumuskan oleh ulama dan cendekiawan Islam sendiri. Dapatlah kita menarik kesimpulan, bahawa para pembuat definisi tersebut masing-masing menekankan pada satu atau beberapa unsur agama Islam yang menarik perhatiannya. Ada yang menaruh perhatian pada zatnya dengan mengemukakan: *wahyun Ilahiyun, wahyu Ilahi*. Ada yang menitik beratkan kepada *funksinya* dengan mengemukakan: *ketentuan yang mengatur*. Ada pula yang mengutamakan *tujuannya*: *keredhaan atau kebahagiaan di dunia dan akhirat*. Ada yang menekankan garis-garis besarnya: terdiri dari *i'tiqad* dan *amal saleh*. Dan ada yang memerhatikan sumbernya iaitu *al-Quran dan as-Sunnah/Hadis Rasulullah s.a.w.*

iman (faith). Ia juga sukar untuk dipisahkan secara objektif.⁶

Para sarjana menyatakan bahawa agama itu adalah suatu hal keprihatinan pokok (*problem of ultimate concern*). Ia menjurus kepada kepentingan mutlak. Ertinya, jika seseorang membicarakan agamanya, maka tiada tawar menawar lagi atau digantikan dengan sesuatu yang lain. Ini kerana agama bukan rumah atau pakaian yang kalau perlu diganti. Tetapi ia melibatkan keyakinan yang tidak boleh diceraikan daripada diri seseorang yang mengaku beragama.⁷

Untuk membuat analisis tentang nisbah antara agama dan puisi, ia mengambil waktu, ruang, tenaga dan cara penyelidikan yang sangat mendalam dan teliti. Namun biasanya, sering perbincangan soal agama dalam sastra lebih menjurus kepada persoalan hukum-hakamnya atau fikah saja. Sebenarnya, dalam konteks agama, kita mungkin bertanya:

■ Apakah kesusasteraan dapat memperindah kehidupan masyarakat Muslim, mendidik jiwa, memperhalus perasaan, memperkembangkan bakat agar dapat hidup subur sesuai dengan kehendak ajaran Islam?

■ Atau adakah kesusasteraan Islam telah dapat mengisi erti kemerdekaan? Ini kerana kemerdekaan dapat diukur dengan kecintaan sesuatu bangsa atau ummah terhadap kesenian dan kesusasteraannya. Pada hal faham

kemerdekaan/kebangsaan⁸ pula merupakan cita-cita yang luhur iaitu ciri kemanusiaan yang paling nyata dan menonjol dalam kehidupan!

SASTERA ISLAM ASAL SASTERA BARAT?

Dalam mengkaji kesusasteraan umat Islam, kita mungkin hairan atau tertanya-tanya mengapa banyak seniman Islam tidak menunjukkan kreativiti atau menampilkan idea asli. Mereka mengambil banyak idea Barat. Dalam hal ini, seniman Islam telah, dengan sadar atau tidak, menerapkan idea Barat dalam kebudayaan dan kesusasteraan mereka.

Prof. Dr. Taha Hussein, pengkritik sastra Arab, telah mengisytiharkan dirinya sebagai seorang *epigon* aliran sastra Barat yang paling setia dan lantang. Katanya:

"*Seni sastra adalah penuturan-penuturan baik berbentuk puisi mahupun prosa. Ia mungkin sebuah syair atau esei yang ditulis oleh pencintanya hanya semata-mata untuk menimbulkan rasa keindahan artistik. Hasil seni yang lahir dari penciptanya bagi siulan si burung murai, keindahan dan kewangian sekuntum bunga dan cahaya cemerlang sang matahari. Demikianlah erti kesusasteraan sebenarnya. Ia bukan mukadimah untuk mempelajari al-Quran dan as-Sunnah. Ia adalah hasil seni yang harus dipelajari pula. Tujuan yang utama, ialah*

⁶ Lihat Prof. Dr. H.M. Rasyidi *Filsafat Agama* Bulan Bintang, Jakarta, 1967., hal. 10.

⁷ Lihat Mohd Natsir *Islam dan Kristen Di Indonesia*, disusun dan dihimpun oleh Endang Saifuddin Anshari, Bandung, 1969., hal. 227.

⁸ Maksud di sini ialah rujukan kepada Islam. Tetapi Islam bukanlah suatu ideologi, melainkan wahyu Allah. Istilah ideologi ini sebagai istilah kerja saja.

untuk menimbulkan rasa keindahan artistik dalam hasil-hasil sastra itu".⁹

Faham Taha Hussein tersebar luas di rantau Arab. Ia mempengaruhi ramai cendekia dan pelajar sastra Arab yang menelan mentah-mentah semua faham dari Barat.

Faham sastra Barat yang bermula di Perancis pada abad ke-9 itu memisahkan hubungan agama dan sastra. Ini terpapar dalam tulisan Victor Cousin dan Gautier. Bahkan Renan cuba memisahkan kesusasteraan daripada kehidupan. Sedang Baudelaire mengatakan, bahawa tujuan berpuisi tidak lain hanyalah untuk menimbulkan kesan keindahan saja.¹⁰

Selain mengikuti perkembangan aliran fikiran dan dasar kritikan Barat, sasterawan dan kritikus di Dunia Islam terbawa-bawa kepada mempersoal nilai Islam menurut kaca mata Barat sebagaimana tanggapan Dr. Taha Hussein:

"Dalam kesusasteraan, kita ingin meletakkan dasar-dasar filosofis untuk menyelidiki kebenaran segala sesuatu, seperti yang pernah dilakukan oleh Decartes dulu. Bagaimana kita dapat menyelidiki kesusasteraan Arab secara ilmiah tanpa mempelajari bahasa-bahasa Barat yang hidup dan tanpa meneliti pengaruhnya terhadap kesusasteraan kita? Lalu bagaimana kita dapat mempelajari dengan

cara penelitian ilmiah moden, sebagaimana orang-orang Perancis, Inggeris dan Jerman mempelajari kesusasteraan mereka".¹¹

Sikap mengambil apa yang perlu dan terbaik dari luar demi mencapai kemajuan memanglah bijak. Namun, pentaklidan dan penyadapan tanpa penelitian dan dilakukan atas nama prinsip atas dasar modernisasi, tidak akan menguntungkan umat Islam. Ia akan menimbulkan kekeliruan kerana banyak akibat negatif. Ini akan menghambat kemajuan dan kesadaran umat Islam.

Banyak juga sarjana sastra Islam yang komited, arif dan sentiasa mengikuti perkembangan kesusasteraan. Mereka sedar bahawa faham Barat tidak sejajar dengan Islam. Hal ini diperingatkan oleh Prof. Mohammad Nuwaihi, sarjana Universiti Harvard, dalam bukunya, *Puisi Arab Sebelum Islam*:

"Hendaklah kita sangat berhati-hati dalam menerapkan ukuran-ukuran kritik Barat dan tidak wajar kita secara gopoh memasukkan unsur-unsur itu ke dalam kesusasteraan kita. Kita memang tidak dapat menyangkal bahawa dasar-dasar itu sangat berfaedah untuk memperluas orientasi dan mempertajam daya kritik kita. Namun, kita harus menyadari bahawa dasar-dasar itu bersumber dari kesusasteraan yang meskipun bertemu dengan kesusasteraan kita dalam dasar-dasarnya yang bersifat kemanusiaan

⁹ Lihat Habib Al-Haq An-Nadwy, *Sastra dan Masyarakat*, dalam majalah Al-Ba'ts Al-Islamy, No. 7 Vol XII, April 1, 1968, Lucknow, India., hal. 8-9.

¹⁰ Baudelaire adalah penyair terawal menyatakan puisi harus "autonomous" dan "autotelic" dari segi sifat kegiatannya. Baudelaire percaya bahawa "puisi itu sudah mampan terhadap dirinya sendiri", merupakan satu doktrin untuk mengembangkan konsep seni untuk seni yang begitu melampau sehingga mencetuskan satu tahap "pelacuran itu seni" dan "setiap kitab itu adalah tidak bermoral". Lihat Michael Hamburger, *The Truth of Poetry*, Penguin, 1972., hal. 4-5.

¹¹ Habib Al-Haq An-Nadwy, op. cit., hal. 10

semesta (universal humanisme), ia pun sering kali berbeda dalam hal-hal yang kadang-kadang prinsipil juga. Maka penerapan secara gopoh atas kesusasteraan kita, sangatlah berbahaya dan amat buruk akibatnya."¹²

KONSEP SENI MENURUT ISLAM

Menurut sarjana Barat, rangsangan seni (*art impulse*) merupakan satu nilai yang besar peranannya. Estetika (keindahan) perlu ada pada setiap hasil kesenian (sastra, drama, seni suara dan lain-lain) dan ia dianggap suatu yang normatif sebanding dengan etika (akhlak). Malahan estetika adakala lebih berpengaruh daripada logika (fikiran yang manasabah). Nilai indah (estetika) sering diseirinkan dengan nilai baik (etika).¹³

Sepanjang yang diketahui, Islam tidak memberikan teori atau ajaran terperinci tentang seni dan estetika. Tetapi Islam amat rinci mengenai adab dan akhlak yang merupakan bidang yang agak berbeza dengan etika yang difahami di Barat.

Menurut Endang Saifuddin Anshari, penyair dan sarjana Muslim dari Indonesia, bahawa kesenian itu termasuk dalam urusan

dunia. Hal ini terpapar dalam hadis — *antum a'lamu bi umri duniyakum* [bermaksud: Kamu lebih mengetahui urusan duniamu sendiri.¹⁴]

Islam adalah agama fitrah iaitu serasi dengan kejadian manusia.¹⁵ Jadi, kesenian bagi manusia adalah termasuk fitrah. Kesanggupan berseni juga membezakan manusia daripada makhluk yang lainnya.

Allah itu mempunyai segala sifat-sifat yang baik¹⁶ seperti *Jamal* (Maha Indah), *Jalal* (Maha Agung) dan *Kamal* (Maha Sempurna). Sedangkan manusia sebagai khalifah Tuhan¹⁷ mengemban amanat mewakili Tuhan di atas bumi ini, iaitu melaksana segala sifat-sifat Tuhan (termasuk Yang Maha Indah) di atas dunia ini dalam batas-batas kemampuan manusia.¹⁸

Menurut Islam, karya seni pada umumnya atau karya sastra pada khususnya yang mengikut syarat-syarat keindahan itu dianggap karya ibadah (pengabdian) apabila ia memiliki ciri-ciri:

Ikhlas sebagai titik tolak

Mardhati'l-Lah sebagai titik tuju

Amal Saleh sebagai garis amal¹⁹

¹² Ibid, hal. 10.

¹³ Lihat Drs. Sidi Gazalba, *Sistematika Filsafat, Pengantar Kepada: Dunia Filsafat Teori Pengetahuan, Metafizika dan Teori Nilai*, Utusan Melayu, KL, 1974., hal. 419.

¹⁴ Lihat Endang Saifuddin Anshari, *Pokok-pokok Fikiran Tentang Islam*, Usaha Enterprise, Jakarta, 1976., hal. 55.

¹⁵ Lihat *Al-Quran*, 30:30.

¹⁶ Ibid, 7:80

¹⁷ Ibid, 2:30., 6:165., 33:72 dan 35:39.

¹⁸ Walaupun dalam kejadiannya bersifat fithrah, manusia diberi batas kemampuan oleh Maha Pencipta. Apakah manusia bersifat awam atau seniman? Rujuk 'Uthman El-Muhammady, dalam *Memahami Islam*, Pustaka Aman Press, Kota Bahru, 1977., hal. 200-234.

¹⁹ Endang Saifuddin Anshari, op.cit., hal. 55

untuk menimbulkan rasa
dalam hasil-hasil sastera
Faham T
rantau Arab
dan pe
mer.
serasi
urusan duniamu
dalam hadis — antum
[bermaksud:
urutan]

setiap Muslim ialah: mengabdikan kepada Allah demi mendapat kebahagiaan rohani dan jasmani di dunia dan akhirat yang diredhainya!

Dari segi fungsinya, seni atau sastera Islam adalah media untuk mensyukuri nikmat Tuhan. Allah telah berkenan menganugerahi manusia dengan kepelbagaian potensi, iaitu rohani (*af'idah*) dan *indrawi* (mata, telinga, dan lain-lain). Fungsi seni atau sastera Islam ini menghayati sepuhan Allah (*sighatu 'l-Lah*), yang terdapat pada alam dan hasil usaha dan kehidupan manusia.²⁰

²⁰ Endang Saifuddin Anshari, op. cit., hal. 55. Juga bandingkan dengan saranan Yusoff Zaki Jacob yang dibentangkan dalam Simposium Intelek Islam di Kuala Lumpur.

Sastera Islam mempunyai mesej yang luhur. Bidang-bidang untuk disampaikan mesej ini amat luas dan merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Sastera Islam menurut Yusoff Zaki, ialah:

- Karya yang menggambarkan konsep dan nilai hidup Islami.
- Karya yang memancarkan sikap dan motif iman dan takwa dalam pergolakan hidup manusia menentang kekuatan bejat, tahyul dan khurafat.
- Karya yang mencerminkan detik luhur perhubungan manusia dengan Khaliquya.
- Karya yang memotretkan penembusan cahaya iman dalam liku hidup yang bejat dan fasik.
- Karya yang menyorot detik yang mencetuskan kesedaran, keinsafan, kemesraan dan kecintaan kepada objek benar, indah dan murni.
- Karya yang melukiskan penyerlahan rasa kecintaan ketuhanan yang murni dalam kalbu insan yang tergugat di tengah-tengah pancaroba hidup yang hitam pekat.
- Karya yang mementaskan pertarungan sengit di antara hati nurani dan nafsu dan naluri buas atau pertarungan di antara manusia jahat dan manusia baik yang menginsafkannya.
- Karya-karya yang menggambarkan keburukan, kejelekan, kebusuan dan segala macam maksiat dalam bentuk yang menimbulkan kejijikan dan merangsangkan keghairahan untuk menentang dan melenyapkannya.
- Dan lain-lain.

Lihat *Sastera Islam di Malaysia* dalam majalah Dian, Bil 72 Tahun XIII, 1974, hal. 5-24.

²¹ Lihat A. Hassan (Bandung), *Soal Jawab Berbagai Masalah Agama*, Diponegoro, Cet. 4, 1976., hal. 347-363. Pembahasan A. Hassan lebih menitik-beratkan kepada persoalan hukum Islam (fatwa). Walaupun pembahasan itu mengambil masalah gambar, tetapi sangatlah digalakkan untuk mencari kebenaran dalam kesenian Islam umumnya melihat dari jendela hukum.

²² Lihat James Kritzeck, *Anthology of Islamic Literature*, (ed.), Penguin, 1964., hal. 14.

Kesenian atas sastera menurut Islam itu pada dasarnya (dari penilaian hukum atau fikah) adalah *mubah* atau *jaiz* (dibolehkan). Namun kehadiran unsur tidak sesuai dengan akhlak boleh mendorong seni tadi dihukumkan *makruh* (lebih baik ditinggalkan atau tidak digalakkan) sehinggalah *haram* (dilarang sama sekali).²¹

PUISI ISLAM

Kebudayaan Islam sudah lama wujud. Ia pernah menjadi peradaban tertinggi dalam sejarah manusia.²² Sesungguhnya, pelbagai karya kesenian Islam telah memberikan kepada dunia sesuatu yang sangat berharga. Di segi seni bina, peradaban Islam menghasilkan Alhambra di Sepanyol dan Taj Mahal di India, masjid-masjid yang mengagumkan di Samarkand dan Kano. Seni bangunan memancarkan kebestarian, penguasaan ilmu dan pengabdian kepada Allah.

Demikian juga dengan hasil sastera mempesonakan daripada para seniman

Islam²³. Sesungguhnya yang mengilhamkan para seniman atau penyair Islam ialah keindahan al-Quran.²⁴

Pilihan kata-kata al-Quran memang terasa sederhana tetapi unik, puitis dan ada kala misterius. Kalam Allah itu menunjukkan penggunaan gaya luar biasa di segi kosa kata, struktur ayat, imageri, tamsil dan rentak atau kesan dramatik yang cepat lagi tepat. Semua gaya agung ini digunakan untuk menyampaikan mesej akhlak yang menyeru manusia kembali ke jalan lurus dan diredhainya.

Dengan mengagumi dan menghormati Quran, para penyair besar pada zaman kebangkitan Islam telah menebarluaskan mesej seni yang halus dan berisi.

Dari segi linguistik pula, bahasa Quran menjadi asas kepada bahasa Arab tinggi.

Kepenyairan memang suatu bidang dipandang tinggi dalam budaya Arab sebelum kedatangan Islam. Para penyair pra-Islam dianggap peminat dan jurubicara penting kabilah mereka. Bahkan mereka dianggap aset dan pahlawan (*wira syair*) kerana dapat menyampaikan mesej dari keruntuhan kalbu sehingga membakar semangat keberanian.

Namun sejak kedatangan Islam, puisi Arab menjurus kepada nilai kebenaran, kemanusiaan dan tauhid – sejajar dengan ajaran Quran dan Hadis.

Dr Johnson menulis dalam bukunya *Oriental Religion* yang dikutip oleh Syed Ameer Ali, menyatakan:

"Jika al-Quran itu bukan puisi, maka sukarlah untuk menyatakan apakah itu puisi atau bukan. Maka ia lebih daripada puisi. Ia bukan kitab sejarah, bukan pula biografi. Ia juga bukan bunga rampai seperti khutbah di bukit. Bukan pula ia dialektika metafizik seperti sutra-sutra Buddha. Bukan juga ia kefasihan bicara di depan mimbar seperti percakapan antara guru-guru yang bijaksana dan bodoh dengan Plato.

*"Al-Quran itu adalah seruan yang disampaikan oleh Rasulullah yang sifatnya semitik sampai ke inti, namun ertinya bersifat semesta dan demikian kewududan sebenarnya sehingga semua suara zaman mahu tidak mahu pada menyambutnya dengan penuh kekaguman. Maka berkumandanglah ia di istana-istana kaisar dan maharaja, di kota-kota dan di padang pasir. Quran itu telah membangkitkan orang-orang terpilih untuk menaklukkan dunia, kemudian membangkitkan pula satu tenaga pembangun untuk dapat memancarkan cahaya kreatif Yunani dan Asia sehingga dapat menembus kegelapan yang tebal meliputi Eropah, di kala agama Kristian di benua itu hanya laksana bulan berkunang-kunang di malam hari..."*²⁵

Orientalis ternama, Prof. Dr. H.A.R. Gibb menyatakan bahawa "kaum Muslimlah

²³ Ibid, hal. 16.

²⁴ Lihat Mana Sikana, *Sastera Islam Di Malaysia*, Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd., KL, 1983, hal. 48-51.

²⁵ Lihat Syed Ameer Ali, *Api Islam*, terjemahan H.B. Jassin dari The Spirit of Islam, Pembangunan, Cet. 2, 1967., hal. 254-255.

penganjur Eropah mengarang sajak, pantun, seloka dengan berirama baik."²⁶

Suatu masa dulu di kebanyakan perpustakaan umum Eropah, hampir dalam setiap keintelektualan seperti etika, metafizika, logika dan retorika, karya penulis Islam begitu menonjol.

Kesuburan puisi Islam yang disumbangkan oleh Ali bin Abi Thalib, Ka'ab bin Malik, Abdullah bin Rawahah, Hassan bin Tsabit (sekadar menyebut beberapa nama) masih belum ada tandingannya dalam mengangkat agama Islam. Apabila Islam mula berkembang luas, muncul pula para penyair seperti Mutannabbi,²⁷ Abu Alla al-Ma'arri,²⁸ Ummar Kayyam,²⁹ Jalaluddin Rumi,³⁰ dan Sa'adi.³¹

NILAI ETIKA DALAM PUISI ISLAM

Berbagai jenis puisi telah dijumpai di daerah Arab Selatan, sejak seawal abad ke-3 Maschi. Dapat disimpulkan bahawa sebelum Islam, kawasan Arab sudah mempunyai kesusasteraan tinggi.³²

Pada zaman itu, di bandar Ukaz, diadakan pasar tahunan yang menyajikan sayembara mengarang syair (puisi). Puisi terbaik akan ditintakan dengan emas dan digantungkan di Ka'abah.³³ Penyairnya pula akan menjadi terkenal dan dihormati orang.

Antara para penyair yang karyanya digantungkan di Ka'bah termasuklah Imra-ul-Qais, Terfa, Ibnu Kulzum, Zuhair, Harist,

²⁶ Lihat Dr. Omar Amin Hoesin. *Kultur Islam*, Bulan Bintang, Jakarta. 1973, hal. 534.

²⁷ Nama sebenar *Ahmad Ibnu Husain*, tetapi lebih terkenal dengan nama *Mutanabbi* (303-354H/915-965M). Mutanabbi bukan saja dianggap penyair terbesar sehingga karyanya dikagumi di Eropah. Sebagai penyair terbesar Islam, syair-syair Mutanabbi telah diterbitkan lebih dari 50 kali oleh berbagai komentator dalam berbagai bahasa Eropah. Mutanabbi banyak menghabiskan masa mudanya dengan hidup dengan kaum badwi yang bergelandangan di padang pasir. Oleh itu syairnya banyak bersifat/menceritakan tentang kerakyatan. Mutanabbi mati ketika bertempur dengan sekumpulan perompak dalam perjalanannya ke kota Baghdad.

²⁸ *Abul Alla Al-Ma'arri* (363-449H/937-1057M) dilahirkan di Syria kira-kira 40 tahun sebelum Ummar Kayyam dilahirkan. Beliau memberi kuliah tentang syair, filsafat dan kaji purba. Disebabkan pendapatan kecil, ia sering merasa skeptis dan pesimis, tetapi memiliki daya fikir filsafat yang sangat besar. Al-Ma'arri disanjung di Eropah. Di watannya sendiri, karyanya sering dikritik dan dibahaskan. Sebagai seorang penyair besar, beliau seorang moralis, pemikir yang cerdas dan pengkritik tajam. Oleh itu ilmu pengetahuannya yang banyak itu membuat ia lebih banyak merendah diri dan syair-syairnya banyak pula bersifat alegori.

²⁹ *Ummar Kayyam* penyair, ahli matematik dan ahli falak Islam dilahirkan di Bishapur, negeri Khurasan. Nama turunan, al-Kayyam, sempena pekerjaan ayahnya sebagai pembuat khemah. Pada tahun 1924 di Amerika Syarikat, terbit filem mengenai riwayat hidup Umar Kayyam — "*Omar The Tent Maker*". Nama Umar Kayyam termasyur di Eropah setelah Edward Fitzgerald menterjemahkan *Ruba'iyat* ke dalam bahasa Inggeris. Daripada terjemahan Inggeris ini, *A.W. Hamilton* mengalihkannya ke bahasa Melayu.

³⁰ Salah seorang pengarang/penyair/mistikus Muslim yang turut menyumbang kepada peradaban Barat ialah *Maulana Jalaluddin Rumi*. Ia dilahirkan di Balk pada tahun 1207M dan meninggal pada tahun 1275M. Rumi seorang Uzbek. Bahasa ibundanya Turki.

Dr. Uzluq, professor di Universiti Ankara, menyatakan bahawa kebanyakan orang Turki membaca buku *Mathnawi* karangan Rumi ini. Sebahagian kaum Muslimin terutama di daerah-daerah berbahasa Turki pada hari ini masih mengenal cerita-cerita *Umar* dan *Duta Rumawi* dalam puisi panjang *Mathnawi* itu.

Buku-buku/syair-syair karangan Rumi bukan saja terkenal di dunia Islam, akan tetapi lebih besar pula pengaruhnya di dunia Barat. Prof. A.J. Arberry dari Universiti Cambridge telah menterjemahkan karangan-karangan Rumi, termasuk *Mathnawi*, *Diwani-i-Syams Tabrizi* dan *Rubaiyat*.

³¹ Bentuk dan puisi dari kesusasteraan Islam telah terjemahkan ke dalam bahasa Jerman. Salah satu yang penting ialah *Gulistan* karangan penyair Sa'adi oleh seniman agung Jerman, Goethe. Ia diibaratkan bak sekuntum bunga paling wangi dari segala bunga (puisi) yang pernah tumbuh di Eropah.

³² Dr. Ismail Hamid, op.cit., hal. 30.

³³ Ibid, hal. 30.

Amr bin Ash dan Labid (dua yang akhir ini masuk Islam).³⁴ Puisi-puisi mereka ini dinamakan *muallaqat*, yakni bererti digantungkan.

Ada juga puisi-puisi yang tidak digantungkan di Ka'abah tetapi para penyairnya masih disanjung ramai seperti Nabigha, Alqama, Taabata-Sharran, Hatim Tai (seorang penyair Nasrani) dan Samuel (penyair Yahudi).

Tema karangan puisi mereka meliputi kehidupan padang pasir, tempat sejarah, memuji kecantikan kuda, unta dan wanita, kejadian alam seperti kilat, kegagahan dan keuletan kaum kerabat, jalan penyerangan dan rampasan, rindu dendam, memuji pahlawan dan sifat-sifat kepahlawanan, pengorbanan, kesabaran dan keikhlasan.³⁵

Para penyair sebelum Islam bergelar *syuaara al-jahiliyah*. Kalangan mereka yang kemudian menjadi Muslim dinamakan *Mukharraz-Amin* seperti Hassan bin Tsabit, Ka'ab bin Malik, Abdullah bin Rawahah dan Umaiyyah bin Abi Syalti.

Nabi Muhammad s.a.w. menghargai puisi dan memuliakan penyair yang karyanya mengajak kepada akhlak indah dan tauhid. Terhadap puisi jahiliyah dan penyairnya, terdapat satu teguran dalam Quran — *Surah al-Syuaara*, ayat 224-227 yang beraksud:

224: *Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat.*

225: *Tidakkah kamu melihat bahawasanya mereka mengembara pada tiap-tiap lembah.*

226: *Dan bahawasanya mereka suka menyatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakannya.*

227: *Kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal saleh banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman dan orang-orang yang zalim itu pasti akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.*³⁶

Ayat-ayat di atas menggambarkan betapa para pengikut penyair yang sesat itu sudah menyeleweng dari jalan lurus dan cenderung pula untuk berbuat kerosakan.

Para penyair jahiliyah ini gemar bermain kata-kata tanpa tujuan baik (berakhlak) dan tertentu. Mereka tanpa pegangan kukuh sehingga sanggup memuji sesuatu setelah mencelanya. Isi puisi mereka mengikut nafsu dan khayalan yang tidak terbatas. Puisipuisi mereka tidak bersandar dan menampilkan kebenaran.

Islam menetapkan para penyair dengan etika atau nilai akhlak seperti menegakkan kebenaran, menganjurkan perdamaian dan mengajak manusia menuju ke jalan Ilahi. Islam menekankan agar setiap puisi itu mempunyai nilai-nilai akhlak mulia dan penyairnya pula merupakan peribadi Muslim yang luhur. Hal ini terpapar dalam maksud hadis:

³⁴ Dr. Oemar Amin Hoesin, op. cit., hal. 486-487.

³⁵ Ibid., hal. 486-487.

³⁶ Ibid., hal. 487.

"Sesungguhnya Allah itu Maha Indah, Dia suka kepada keindahan. Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, Dia suka kepada kebaikan."

KESIMPULAN

Kesenian, menurut Islam, mempunyai tanggungjawab utama yang bersifat akhlak. Islam menganjurkan seni kerana ia adalah *fitrah* iaitu menurut kejadian manusia. Seni dinilai di segi bahasa dan gaya yang dapat dirasakan oleh orang ramai.

Lunas dan batas (manhaj Ilahi) mesti dipatuhi dalam berpuisi. Ini kerana hukum puisi yang asalnya bersifat halal dan mubah itu boleh menjadi makruh, bahkan haram (dilarang) kerana adanya unsur-unsur yang merosakkan dari segi akidah.

Puisi Islam mengandungi nilai universal atau semesta seperti patuh, taat dan

setia kepada tanah air (nasionalisme), cinta dan memelihara alam (enviromentalisme), menegah jenayah dan membela keadilan, menghormati orang tua (*filial piety*), sehinggalah mengetepikan duri/batu di jalanan (sivil), gotong-royong atau berbaik dengan jiran, memandu dengan cermat sehingga sayang kepada binatang dan tumbuh-tumbuhan.

Puisi Islam hendaklah mendukung konsep umat yang sederhana dan cintakan perdamaian dan tolong-menolong sesama insan.

Djamal Tukimin ialah seorang penulis dan aktivis setempat yang sering menghasilkan karya-karya bertemakan agama.



Kertas

*alam adalah
tinta
yang menitis
di celah renungan.*

*sejarah adalah
kalam
yang mencecah
permukaan roh.*

*kemanusiaan adalah
sajak
yang mengimbas
bahasa alquran.*

*kebenaran
hanya diraih
dari makna
bukan
dari kata.*

*kehidupan
tidak bernafas
dari kertas.*

*Isa Kamari
1990*